

HASiL/2026/08/07 – 40

HASiL MULAKAN SIASATAN CUKAI SUSULAN
LAPORAN SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA (RCI)
BERHUBUNG LEMBAGA TABUNG HAJI (TH)

CYBERJAYA, 7 OGOS 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa tindakan siasatan telah dimulakan terhadap individu-individu yang dikenal pasti berdasarkan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan Lembaga Tabung Haji (TH).

Siasatan ini dijalankan berdasarkan analisis risiko percukaian, di mana dikesan terdapat ketidaksepadanan antara pemilikan aset dengan jumlah pendapatan yang dilaporkan oleh individu-individu berkenaan. HASiL telah mengadakan serbuan ke beberapa premis berkaitan bagi mendapatkan maklumat, membuat semakan dokumen serta mengesahkan fakta yang berkaitan dengan siasatan yang sedang dijalankan.

HASiL ingin menjelaskan bahawa setiap tindakan semakan dan siasatan dilaksanakan secara profesional, berintegriti serta berlandaskan peruntukan undang-undang percukaian yang berkuat kuasa tanpa sebarang prejudis terhadap mana-mana pihak. Sebarang tindakan lanjut hanya akan diputuskan berdasarkan hasil siasatan,

penelitian maklumat serta bukti yang diperoleh sepanjang proses semakan dilaksanakan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 7 Ogos 2026